

BAHAGIAN PELESENAN	SYARAT – SYARAT MENJALANKAN PERNIAGAAN PASAR LAMBAK / PASAR MALAM MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	SL 12	
---------------------------	--	--------------	---

1. Semua peniaga hanya dibenarkan memasang kaki payung. Tidak dibenarkan memaku/menanam apa-apa tiang, tali atau bahan tajam untuk mendirikan khemah atau kanvas.
2. Mematuhi semua syarat-syarat kesihatan dan mendapatkan suntikan TY2.
3. Memakai apron/topi/penutup kepala, menutup makanan yang dijual dengan plastik, menyediakan penyepit, sentiasa mencuci dan membersihkan stall dan kawasan sekitar sebelum dan selepas perniagaan.
4. Semua peniaga yang melibatkan pembuangan sisa pepejal diwajibkan menyediakan tong sampah berpenutup.
5. Peniaga pasar lambak yang menjual ikan dan yang seumpamanya hendaklah menyediakan baldi untuk menakung air kotoran ikan.
6. Membersihkan tempat perniagaan setiap kali selesai berniaga. Sisa buangan dikumpul di dalam karung plastik sebelum plastik itu dipungut oleh pihak Majlis Daerah Tanjong Malim.
7. Bayaran lesen hendaklah diselesaikan mengikut masa yang telah ditetapkan dan sentiasa dipamerkan.
8. Waktu perniagaan adalah bermula dari jam 2.00 petang hingga jam 11.00 malam.
9. Hanya menjual barang-barang yang telah dilesenkan sahaja.